

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 7 July 2015 |

PM minta rakyat bertenang

BH-7/7/2015

» *Najib usaha tangkis tuduhan media asing, hormati sokongan*

Oleh Rosli Abdul Jalil dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

► Jertih

Datuk Seri Najib Razak meminta rakyat bertenang dan tidak bimbang terhadap isu yang digembar-gemburkan media asing terhadap kepemimpinannya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau akan berusaha menangkis segala tuduhan dilemparkan itu sehingga kebena-

ran bejaya ditegakkan.

"Sebagai Perdana Menteri, saya tidak akan mengkhianati rakyat. Saya akan cari (jalan) untuk tegakkan kebenaran, bertenang, kebenaran akan terbukti. Saya berterima kasih kepada seluruh kepimpinan UMNO yang berdiri teguh memberi sokongan dan kepercayaan.

PHji Mursyidul Am PAS

"Malah, saya berterima kasih kepada seorang pemimpin PAS, yang membuat kenyataan yang cukup baik. Mursyidul Am PAS, Datuk Dr Haron Din, berkata tidak masuk akal Perdana Menteri songlap duit (dalam isu Malaysia Development Berhad (IMDB)" katanya.

Beliau berucap pada Majlis Perasmian Sekolah Menengah Intiaz Yayasan Terengganu Besut dan Pelancaran Program al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri /^unad Razif Abd Rahman dan, Ketua UMNO Bahagian Besut, Nawi Mohamad.

Pada majlis itu, beliau meluluskan peruntukan RM3 juta bagi pembinaan dewan baharu SM Intiaz sertg, menyerahkan sumbangan kerajaan ne-

tt

Sebagai Perdana Menteri, saya tidak akan mengkhianati rakyat. Saya akan cari (jalan) untuk tegakkan kebenaran, bertenang, kebenaran akan terbukti"

Najib Razak,
Perdana Menteri

geri, iaitu bantuan AidiMtri, Dana Bakti Remaja, Bantuan Bulanan JKM, sumbangan komputer riba dan pencetak kepada semua pengerusi JKKK dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional untuk anak kelahiran Terengganu.

Rakyat kena bersatu

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu terus bersatu dalam menangkis segala tuduhan terhadap kerajaan dan pemimpin negara, walaupun berbeza dari segi fahaman politik.

Beliau berkata, perbezaan politik jangan dibiarkan sampai menyebabkan rakyat berpatah arang sesama sendiri.

"Inilah pokok kejayaan kita, mesti sentiasa bersama. Jangan peteh keting (cantas) sesama sendiri, kerana jika kita bersama dalam satu kumpulan, insya-Allah akan berjaya," katanya.